

12 OCT 1998

Agong-Swaziland

BERTINDAK BERSAMA UNTUK MENGHADAPI ALAF BARU, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, bertitah malam ini adalah penting negara-negara selatan memahami cabaran-cabaran dalam ekonomi moden untuk berkerja bersama menghadapi alaf baru.

"Kita tidak perlu bergantung kepada kuasa yang ada untuk bantuan kebajikan dan sekiranya perlu, kita harus mencabar kepercayaan-kepercayaan lama dialog ekonomi moden," titah baginda pada jamuan negara sempena dengan lawatan Raja Mswati III dan Permaisuri Inkhosikati LaNgangaza dari Swaziland di Istana Negara, di sini.

Dengan bekerja bersama dan bersepakat sepenuhnya dalam semua isu-isu semasa yang penting dan terdesak, kedua-dua negara boleh mewujudkan satu cara yang bijak untuk mengatasi apa-apa cabaran yang akan dihadapi, titah baginda.

Selatan Afrika dengan sektor pengeluarannya yang sedang bertumbuh, infrastrukturnya yang cepat bertambah dan kekayaan sumber galiannya, telah menjadi rantau pilihan untuk sektor swasta Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini, titah baginda.

Tuanku Ja'afar bertitah hubungan antara kedua-dua negara boleh juga dipertingkatkan melalui pertukaran kebudayaan dan penyertaan yang aktif dalam muzik, seni dan aktiviti sukan.

Baginda juga berharap lawatan Raja Mswati akan membantu kedua-dua negara membina satu perkongsian dan mewujudkan dialog.

Raja Mswati, dalam ucapannya, berkata walaupun Malaysia tidak terlepas daripada dilanda krisis ekonomi di Asia, faktor-faktor dan kualiti-kualiti yang menjadikan Malaysia amat berjaya pada tahun-tahun lepas masih wujud lagi dengan teguh.

"Oleh itu, kami berpendapat hanya dalam tempoh masa tertentu Malaysia akan kembali kepada corak pertumbuhan ekonominya yang kukuh, semua ini adalah contoh keyakinan, bukan kekecewaan dan semuanya menjurus kepada masa hadapan yang penuh optimistik," kata beliau.

Beliau berharap syarikat-syarikat Malaysia akan menggunakan peluang-peluang pelaburan yang berpotensi di negara itu dalam bidang-bidang seperti pelancongan, pertanian dan industri lain.

Swaziland, yang terletak diantara Mozambique dan Afrika Selatan, mencapai kemerdekaan daripada Britain pada tahun 1968.

Dengan jumlah penduduk 900,000, ialah adalah sebahagian besarnya negara pertanian yang juga mengeksport asbestos, batu arang dan bijih timah.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Permaisuri Inkhosikati LaNgangaza, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

WNZ APG JK WAT